



SELAMAT JALAN



Orang Ramai Digalak Guna Pengangkutan Awam Pulang Ke Kampung

Orang ramai digalakkan menaiki pengangkutan awam untuk pulang ke kampung pada musim perayaan Tahun Baru Cina tidak lama lagi bagi mengelak kesesakan jalan raya dan mengurangkan kemalangan jiwa.

Menteri Pengangkutan Dato' Seri Kong Cho Ha berkata pengangkutan awam, khasnya bas, telah terbukti kurang terlibat dalam kemalangan maut berbanding kenderaan lain berdasarkan laporan operasi keselamatan jalan raya tahun lepas.

"Rekod Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa bas mencatatkan kematian sifar pada

'Ops Sikap 25' selain hanya terlibat dalam 32 kes kemalangan daripada 6,917 kes secara keseluruhan tahun lepas," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan sempena Tahun Baru Cina bertemakan 'Penggunaan Pengangkutan Awam Mengurangkan Kemalangan' di sini, Isnin.

Bagi memastikan keselamatan penumpang bas terjamin, Kong berkata anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menjalankan operasi pemeriksaan di terminal dan depoh

bas seluruh negara, selain menyamar sebagai penumpang bagi mengesan kesalahan yang dilakukan pemandu. Sementara itu, polis akan menempatkan anggota bagi memantau 150 kawasan kerap berlaku kemalangan yang dikenal pasti di seluruh negara pada Ops Selamat II sempena perayaan itu.

Sehubungan itu, cuti anggota dan pegawai polis trafik telah dibekukan, kata Timbalan Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman ACP Mohd Fuad Abdul Latif.

Selamatkan nyawa

10 perkara penting anda patut tahu mengenai AES

S: Kenapakah AES perlu dilaksanakan?

J: Objektif utama pelaksanaan kamera AES dan penggunaan kamera perakam kelajuan had laju yang digunakan oleh agensi penguat kuasa adalah untuk mengurangkan kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia. Oleh itu, sama ada kamera AES digunakan atau kamera perakam had laju lain digunakan, ianya adalah saling melengkapi antara satu sama lain untuk mencapai tujuan yang sama.

AES merupakan suatu sistem yang merakam kesalahan lalu lintas dengan menggunakan kamera resolusi tinggi dan seterusnya semua maklumat mengenai kesalahan yang dirakam berserta imej bagi kenderaan yang melakukan kesalahan akan dihantar secara atas talian ke pusat kawalan AES untuk diproses. Pada masa ini hanya dua kesalahan yang dikuatkuasakan oleh AES iaitu kesalahan memandu melebihi had laju dan kesalahan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat.

Semua imej yang dirakam oleh kamera AES disemak dan ditentukan kesalahannya oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum saman dikeluarkan. Saman-saman yang dikeluarkan dihantar kepada pemilik berdaftar secara pos berdaftar.

Kesalahan lalu lintas seperti memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat boleh dikuatkuasakan dengan lebih berkesan menerusi AES kerana sistem ini boleh berfungsi secara automatik 24 jam sehari, tujuh hari seminggu (24/7) dalam semua keadaan cuaca.

S: Sejauh manakah seriusnya kemalangan jalan raya di Malaysia?

J: Berdasarkan statistik PDRM pada tahun 2011 sahaja, sebanyak 450,000 kes kemalangan jalan raya berlaku di negara ini. Secara puratanya pada masa ini, seramai 19 orang maut di jalan raya setiap hari (6,877 kematian pada tahun 2011). Sekiranya tiada sebarang usaha dilakukan, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menganggarkan jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya boleh melebihi 10,000 orang setahun menjelang tahun 2020 atau lebih kurang 27 kematian setiap hari.

S: Benarkah AES mampu mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya?

J: Pada masa ini, penguatkuasaan melalui AES hanya merakam kesalahan memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat kerana analisis menunjukkan kedua-dua kesalahan ini menyumbang lebih kurang 30 peratus kepada jumlah kemalangan maut di negara ini.

Berdasarkan pengalaman pelaksanaan AES di negara-negara lain yang telah melaksanakannya, sistem ini ternyata boleh membantu untuk mengurangkan jumlah kemalangan dan kematian berpunca dari kemalangan yang disebabkan oleh kedua-dua kesalahan tersebut. Ini adalah disebabkan pelaksanaan AES secara langsung akan membantu meningkatkan persepsi akan kena saman sehingga ke 80 peratus sekiranya mereka melakukan kesalahan (Perception of Being Caught - POBC).

Sehubungan dengan itu, ketakutan akan dikenakan saman kerana melakukan kesalahan jalan raya mungkin berkesan kepada mematuhi peraturan lampu isyarat. Semua imej yang dirakam oleh kamera AES disemak dan ditentukan kesalahannya oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum saman dikeluarkan. Saman-saman yang dikeluarkan dihantar kepada pemilik berdaftar secara pos berdaftar.

S: Adakah penguatkuasaan melalui AES telus?

J: Sebelum tahun 2011, pengguna jalan raya mungkin berasakan bahawa pihak berkuasa sengaja mencari kesalahan dan memerangkap mereka memandangkan penguatkuasaan bagi kesalahan memandu melebihi had laju boleh dilakukan di mana-mana tanpa perlu meletakkan sebarang tanda amaran.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2011, pindaan telah dibuat kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi mengadakan peruntukan supaya tanda amaran diletakkan di lokasi-lokasi di mana penguatkuasaan kesalahan yang dirakam melalui kamera akan dilaksanakan supaya pemandu-pemandu diberi amaran secukupnya apabila mereka memasuki zon operasi kamera. Oleh itu pelaksanaan AES tidak terkecuali daripada mematuhi kehendak undang-undang ini.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kehendak undang-undang, papan tanda amaran wajib diletakkan dalam jarak di antara 2 kilometer hingga 3 kilometer sebelum kamera AES bagi kesalahan memandu melebihi had laju dan dalam jarak 50 meter hingga 500 meter sebelum kamera AES bagi kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat. Walau bagaimanapun hasil daripada maklum balas yang

diterima daripada pengguna jalan raya dan sebagai usaha penambahbaikan, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah lebih banyak papan tanda amaran dipasang bagi memberi maklumat dan amaran yang mencukupi kepada pemandu-pemandu apabila mereka menghampiri dan memasuki zon operasi kamera AES.

S: Bolehkah kamera AES dipasang di mana-mana tempat sesuka hati?

J: Kamera AES tidak boleh dipasang di mana-mana tempat sesuka hati. Dengan itu adalah tidak benar bahawa syarikat penyedia perkhidmatan AES boleh memasang kamera berkenaan di mana-mana tempat yang mereka suka. Lokasi kamera AES boleh dipasang adalah diputuskan oleh Kerajaan setelah satu kajian dan penilaian teliti dilakukan bagi memastikan lokasi-lokasi tersebut merupakan kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

Pemilihan lokasi pemasangan kamera AES dibuat berdasarkan data-data kemalangan jalan raya yang berpunca daripada memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat yang diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Dari semasa ke semasa apabila sesuatu lokasi yang dipilih tadi bukan lagi merupakan kawasan kerap berlaku kemalangan disebabkan oleh faktor-faktor seperti naik taraf jalan atau keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan, maka lokasi tersebut akan diubah ke lokasi lain.

S: Adakah penguatkuasaan secara AES ini telah diswastakan?

J: Penguatkuasaan di bawah pelaksanaan AES, tidak diswastakan. Kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Kerajaan bagi melaksanakan AES hanya bertanggungjawab ke atas perolehan, pemasangan, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem sahaja. Hanya JPJ yang mempunyai kuasa bagi mengesah, menentukan kesalahan dan mengeluarkan saman bagi kesalahan-kesalahan yang dirakam oleh kamera AES. Dalam erti kata lain, pihak syarikat hanya bertindak sebagai penyedia perkhidmatan bagi mengumpul imej-imej kesalahan yang dirakam melalui kamera.

S: Kenapa Kerajaan tidak melaksanakan sendiri sistem AES?

J: Sebelum melaksanakan AES ini, Kerajaan telah mengkaji beberapa model pelaksanaan AES di negara luar dan kemungkinan bagi pihak Kerajaan untuk membeli dan melaksanakan sistem ini sendiri. Walau bagaimanapun setelah kajian terperinci dilakukan termasuk mengambil kira beberapa faktor seperti analisis kos untung rugi, Kerajaan telah memutuskan bahawa kaedah terbaik bagi melaksanakan AES di negara ini ialah melalui outsourcing. Melalui kaedah ini, semua kos berkaitan perolehan, pemasangan dan penyelenggaraan sistem akan ditanggung sepenuhnya oleh kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Kerajaan.

S: Adakah benar sekiranya lebih banyak saman dikeluarkan, syarikat penyedia perkhidmatan akan memperoleh lebih banyak keuntungan?

J: Bayaran perkhidmatan yang akan dibayar oleh pihak Kerajaan kepada kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan adalah berasaskan kepada Formula Pembayaran Tiga Peringkat. Kaedah pembayaran ini dibuat bagi memastikan agar keuntungan syarikat dihadkan pada kadar tertentu yang munasabah walaupun lebih banyak saman yang dikeluarkan oleh JPJ. Formula pembayaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

Peringkat 1 - Syarikat penyedia perkhidmatan akan dibayar RM16 bagi setiap saman sah yang dikeluarkan oleh JPJ dan dihadkan

kepada 5 juta saman sahaja atau terhad kepada RM80 juta setahun. Walau bagaimanapun, pembayaran akan hanya dilakukan tertakluk kepada terdapatnya kutipan hasil saman oleh Kerajaan.

Peringkat 2 - Setelah jumlah yang dibayar mencapai 5 juta saman atau RM80 juta, setiap syarikat akan dibayar 50 peratus daripada jumlah baki kutipan daripada saman-saman yang dikeluarkan (baki setelah ditolak bayaran yang telah dibuat di peringkat 1) tertakluk kepada sehingga RM270 juta setahun. Di peringkat ini Kerajaan akan menerima peratusan yang sama pada kadar 1:1.

Peringkat 3 - Sekiranya jumlah had bayaran di peringkat 2 telah dicapai, setiap syarikat akan hanya dibayar 7.5 peratus daripada jumlah baki kutipan yang masih ada dan baki selebihnya iaitu 92.5 peratus adalah menjadi hasil Kerajaan.

Sekiranya berlaku di mana syarikat penyedia perkhidmatan memperoleh keuntungan yang berlebihan, melalui formula ini, Kerajaan menetapkan kadar pulangan dalaman (internal rate of return) tidak melebihi 17 peratus. Mana-mana lebihan adalah menjadi hasil Kerajaan.

Semua kutipan bagi saman-saman yang dikeluarkan sama ada melalui kompaun atau denda mahkamah adalah dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan seperti mana kutipan-kutipan hasil dan cukai Kerajaan lain seperti bayaran lesen kenderaan motor (cukai jalan) dan lesen memandu. Bayaran perkhidmatan kepada kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan pula adalah dibuat oleh Kementerian Kewangan.

Oleh yang demikian, kenyataan yang mengatakan bahawa kedua-dua syarikat akan membuat keuntungan yang banyak adalah sukar untuk dipastikan kerana ia bergantung kepada sikap pemandu dan kutipan saman. Pendekatan yang paling mudah ialah melalui tindakan pengguna jalan raya untuk mematuhi undang-undang atau dengan kata lain, jangan memandu melebihi had laju dan jangan melanggar lampu isyarat merah. Melalui pendekatan ini, pihak Kerajaan hanya perlu membayar bayaran perkhidmatan yang minimum sahaja kepada syarikat penyedia perkhidmatan.

S: Adakah benar pemilihan dua syarikat penyedia perkhidmatan sistem AES tidak dibuat melalui proses tender Kerajaan?

J: Adalah tidak benar kenyataan yang mengatakan pemilihan kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan bagi pelaksanaan AES dibuat tanpa melalui proses tender.

Cadangan pelaksanaan AES telah bermula sejak tahun 2005 lagi. Beberapa lawatan telah dibuat ke beberapa buah negara yang telah melaksanakan AES ini bagi mengkaji dan menilai keberkesanan pelaksanaannya. Pada bulan November 2006, Kerajaan telah bersetuju menjemput 9 buah syarikat bagi mengemukakan Kertas Cadangan (Request for Proposal) untuk melaksanakan AES.

Syarikat-syarikat yang dijemput telah dikenal pasti mempunyai pengalaman melaksanakan sistem yang sama di negara-negara lain atau mempunyai pengalaman mengadakan kerjasama teknologi dalam membekalkan sistem di negara-negara yang telah melaksanakan AES.

Daripada 9 buah syarikat berkenaan, 7 buah syarikat telah mengemukakan RFP. Daripada 7 buah syarikat tersebut, hanya 6 buah syarikat sahaja yang telah mengambil bahagian dalam ujian live demonstration yang dijalankan. Proses penilaian dan pemilihan yang teliti telah dijalankan selama sebulan iaitu pada bulan Jun hingga Julai 2007.

Dalam ujian dan penilaian

yang dijalankan yang melibatkan sebanyak 43 senario ujian telah menghasilkan sebanyak 63,640 imej yang seterusnya dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada MIROS, SIRIM, MAMPU, JPJ, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kerja Raya, PDRM, Puspakom, Lembaga Lebuhraya Malaysia, dan Jabatan Kehakiman, manakala SPRM dan Jabatan Negera turut di-

jemput sebagai pemerhati. Hasil daripada penilaian berkenaan, hanya 2 buah syarikat sahaja yang berjaya melepasi kelayakan dan keperluan teknikal yang ditetapkan.

Syarikat tersebut ialah Redflex Traffic System yang diwakili oleh Beta Tegap Sdn Bhd dan ROBOT Visual System yang diwakili oleh A.T.E.S Sdn Bhd.

Pada 9 Disember 2011, Kerajaan telah menandatangani perjanjian dengan kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan tersebut bagi melaksanakan sistem AES di Malaysia. Sebagai permulaan, sebanyak 14 buah kamera AES telah dipasang di 14 buah lokasi melibatkan Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Perak. Kesimpulannya, Kerajaan telah mengambil masa hampir 8 tahun untuk melaksanakan AES. Justeru itu adalah tidak benar AES dilakukan secara tergesa-gesa tanpa pertimbangan dan kajian yang teliti sebelum melaksanakannya.

S: Adakah benar pelaksanaan AES gagal di sesetengah negara?

J: Terdapat sesetengah pihak yang mengambil contoh kegagalan pelaksanaan AES di Swindon, United Kingdom. Menurut laporan, kadar kemalangan jalan raya di Swindon hanya pada kadar 2 kemalangan bagi setiap 1,000 kenderaan berdaftar, merupakan kadar kemalangan terendah di United Kingdom. Pemberhentian pelaksanaan AES hanyalah melibatkan kamera, kamera yang dipasang secara tetap tetapi meneruskan penggunaan kamera dengan alih oleh pihak polis. Dengan pandangan yang tidak bersetuju dengan pemberhentian pelaksanaan AES ini kerana tidak dapat banyak bukti-bukti hasil daripada kajian-kajian akademik yang menunjukkan keberkesanan pelaksanaan AES.

Malaysia bukanlah merupakan satu-satunya negara di dunia yang melaksanakan AES. Malah terdapat lebih daripada 90 buah negara yang telah melaksanakan sistem ini sejak tahun 1970-an lagi.

Menerusi kajian selama 4 tahun pelaksanaan AES di United Kingdom (UK) yang diibayai oleh The Royal Automobile Club Foundation for Motoring Limited membuat kesimpulan bahawa pelaksanaan AES di UK menunjukkan kesan-kesan berikut iaitu:

- peningkatan yang ketara terhadap pematuhan kepada had laju,
- pengurangan kepada pemanduan yang sangat laju,
- penurunan kepada pemanduan melebihi had laju di kawasan yang dipasang dengan kamera tetap (fixed camera),
- pengurangan had laju dapat dirasakan atau berlaku secara sederhana di kawasan yang diletakkan kamera had laju mudah alih.

Menurut kajian yang dijalankan oleh The Institute For Road Safety Research (SVOV), Netherland berhubung penggunaan kamera had laju di UK menunjukkan bahawa terdapat pengurangan kepada kecederaan individu sebanyak 24 peratus akibat kemalangan jalan raya dengan penggunaan kamera had laju yang dipasang secara tetap (fixed camera) dan pengurangan sebanyak 21 peratus bagi kamera had laju mudah alih.








JKJR
JABATAN KESELAMATAN
JALAN RAYA MALAYSIA



MIROS
MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

Panduan memahami AES

Kementerian Pengangkutan





Melanggar lampu isyarat dan memandu melebihi had laju adalah kesalahan yang biasa dilakukan pemandu hari ini.



Gambar kereta anda dan video 12 saat akan dirakamkan sekiranya anda didapati memandu laju atau melanggar lampu isyarat dibawah radar AES.



Bukti kesalahan tersebut akan disahkan jika kesalahan trafik itu telah dilakukan.

Selamatkan nyawa dengan AES

Selamatkan nyawa anda dengan mematuhi had laju dan lampu isyarat.





Saman boleh dibayar secara online di MYEG atau JPJ Online atau mana-mana outlet sokongan.



JPJ akan mengesahkan kesalahan dan surat saman akan dikeluarkan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.drivesafe.my





“Selamat Tahun Baru Cina. Semoga tahun ini akan memberikan anda kesejahteraan, kegembiraan, kesihatan dan rezeki yang melimpah ruah. Berhati-hati di jalan raya dan pulanglah ke kampung halaman dengan selamat.”

Pesanan ikhlas daripada:

YB DATO' SERI KONG CHO HA

Menteri Pengangkutan Malaysia



“Pandu Selamat, Tunggang Selamat, Jalan Selamat.
Anda Mampu Mengubahnya”

